

HONG LEONG ASSURANCE BERHAD

(94613-X)

(Diperbadankan di Malaysia)

DANA BERKAITAN-PELABURAN HLA

Laporan Prestasi Dana

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017



Kandungan

	Halaman
Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	2 - 3
Objektif Dana	4 - 6
Ulasan Pelaburan	7 - 9
Tinjauan Pelaburan	10 - 11
Prestasi Dana Sebanding	12 - 53
Butiran Pelaburan	54 - 73
Penyata Pengarah	74
Laporan Juruaudit Bebas	75 - 79
Penyata Aset dan Liabiliti	80 - 88
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	89 - 97
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	98 - 106
Nota-nota Informasi Kewangan	107 - 110

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Kepada semua pemegang polisi yang dihargai:

Kami dengan sukacitanya membentangkan laporan prestasi Dana Berkaitan Pelaburan HLA bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017. Tahun kewangan ini ditandakan dengan dua tempoh yang nyata berbeza, di mana pasaran ekuiti berakhir dengan nada positif selepas permulaan yang tidak menentu dan menurun. Walau bagaimanapun, kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa kesemua dana kami mencatatkan keuntungan positif di tengah-tengah iklim ekonomi yang mencabar. Khususnya, semua dana ekuiti mencapai pulangan yang cemerlang bagi tahun kewangan ini.

Bagi tempoh setengah tahun yang pertama di bawah semakan, pasaran ekuiti global terjejas oleh harga minyak mentah yang meruap, hasil pilihan raya yang tidak dijangka, dan perubahan dasar oleh bank pusat utama. Ini menyebabkan para pelabur mencari pelaburan berisiko lebih rendah, dengan dana mengalir dari pasaran baru ke pasaran maju. Ini paling ketara bagi pasaran pendapatan tetap di Malaysia dengan aliran keluar berjumlah lebih RM16.8bn di mana pegangan asing dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia berkurangan daripada 51.9% kepada 47.1% bagi tempoh di bawah semakan. Dalam tempoh yang sama, FBMKLCI turun kepada 1616 mata pada pertengahan November, sebelum pulih untuk menutup tahun kalendar pada 1641 mata atau penurunan sedikit sebanyak -0.74%.

Permulaan tahun 2017 menyaksikan keyakinan yang diperbaharui untuk mengubah nasib Malaysia dengan berakhirnya kitaran 3-tahun penurunan pendapatan. Kebimbangan geopolitik merosot, dengan dasar yang tidak menentu dan berpotensi meningkat cukai dan peperangan perdagangan daripada pentadbiran yang diketuai oleh Trump. FBMKLCI meningkat sebanyak 6.63% di sebalik aliran masuk dana asing sebanyak RM10.8bn ke dalam pasaran ekuiti. Pada masa yang sama, Ringgit pulih daripada paras rendah USD/RM 4.4975 pada awal Januari dan mengukuh kepada USD/RM4.2933 menjelang akhir tempoh di bawah semakan.

Ketika kami melangkah ke tahun kewangan baru, kami tetap optimis kerana Malaysia telah mengetepikan kebimbangan mengenai ekonomi yang perlahan dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.6% tahun ke tahun pada 1Q17, iaitu paras tertinggi yang dicatatkan sejak 1Q15. Musim perolehan korporat baru-baru ini mengesahkan strategi kami untuk terus melabur dan mengharungi kemeruapan yang berterusan pada tahun 2017. Acara akan datang yang dijangka menentukan arah pasaran termasuk pilihan raya umum Jerman dan Malaysia, dengan pilihan raya umum Malaysia yang tidak akan lewat dari pertengahan tahun 2018. Kadar di mana Rizab Persekutuan terus menjadikan kadar faedah normal akan memberi kesan yang ketara kepada pasaran ekuiti dan pendapatan tetap apabila para pelabur berusaha untuk mengelakkan Taper Tantrum kedua.

Di HLA, pendekatan kami adalah sentiasa menyahut cabaran dan menggunakan mana-mana penurunan pasaran sebagai peluang untuk meningkatkan dan membina portfolio untuk jangka panjang. Strategi ini telah terbukti menyumbang kepada prestasi jangka panjang dan selaras dengan komitmen kami untuk membantu anda mencapai matlamat kewangan anda.

Tambahan lagi, prestasi HLA telah diiktiraf secara konsisten dengan kemenangan berturut-turut Anugerah Syarikat Insurans Hayat Dalam Negeri Terbaik (Domestic Life Insurer of the Year) oleh Perbankan dan Kewangan Asia (Asian Banking and Finance) masing-masing pada upacara Anugerah Asia Insurans (Insurance Asia Awards) 2016 dan 2017. HLA ialah syarikat insurans hayat pertama di Malaysia yang diberikan anugerah berprestij ini. Di samping itu, kami juga telah memenangi Anugerah Jenama Paling Bernilai Terbaik oleh BrandLaureate bagi tahun 2016-2017. Pengiktirafan berprestij ini terus mengukuhkan kedudukan HLA sebagai jenama insurans hayat tempatan yang utama di negara ini.



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anda atas sokongan berterusan dan kepercayaan anda kepada kami. Sebagai syarikat insurans hayat tempatan yang utama di Malaysia, kami tetap komited untuk meningkatkan standard kecemerlangan kami dan menyampaikan produk dan perkhidmatan terbaik untuk memperkayakan kehidupan anda. Jadikan kami syarikat insurans pilihan anda dan biar kami membantu anda membina penyelesaian jangka panjang untuk setiap peringkat kehidupan anda.

Loh Guat Lan
Ketua Pegawai Eksekutif

Objektif Dana

DANA HLA VENTURE GROWTH

Menurut takrif, Dana HLA Venture Growth melabur dalam saham-saham yang memberi pulangan melebihi purata. Namun, saham-saham sedemikian lebih cenderung kepada perubahan kerana syarikat-syarikat ini bergantung kepada ragam pasaran. Untuk mengurangkan ketidakstabilan Dana, pelaburan dalam saham cip biru akan dilaksanakan dengan syarat saham tersebut menunjukkan pertumbuhan, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding lain-lain saham kecil yang berkembang. Dana juga akan melabur dalam saham terpilih bagi mengambil kesempatan daripada situasi tertentu seperti penstrukturan korporat, penggabungan dan pengambilalihan. Objektif utama Dana adalah menyediakan para pelabur dengan peluang untuk mendapatkan pertumbuhan modal yang menarik pada tahap risiko yang boleh dikendalikan bagi jangka sederhana hingga panjang dengan melabur di syarikat-syarikat yang berpotensi untuk peningkatan perolehan yang melebihi purata.

DANA HLA VENTURE BLUE CHIP

Dana HLA Venture Blue Chip akan fokus dalam saham-saham 'cip biru' dengan potensi pulangan modal dan hasil dividen yang baik secara munasabah, terutamanya saham-saham komponen utama Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI). Lumrahnya, Dana mempunyai risiko yang lebih rendah daripada Growth Fund; risiko/ketidakstabilan Dana akan setanding dengan KLCI. Walaupun Dana dijangka mengatasi prestasi KLCI, namun potensi pulangan dijangka tidak akan melebihi pulangan Growth Fund. Dana ini sesuai untuk para pelabur yang ingin mendapatkan prestasi ekuiti yang sederhana sementara mengambil risiko ekuiti yang juga sederhana.

HLA VENTURE DANA PUTRA

Objektif HLA Venture Dana Putra adalah untuk mencapai pertumbuhan modal bagi jangka sederhana hingga panjang dengan hanya melabur menurut prinsip-prinsip Syariah.

DANA HLA VENTURE INCOME

Dana HLA Venture Income hanya melabur dalam sekuriti pendapatan tetap seperti kertas hutang yang diterbitkan atau dijamin kerajaan, Sekuriti Hutang Swasta ("PDS") dan instrumen pasaran wang termasuklah simpanan tetap ("FD"). Objektif Dana adalah untuk memberikan pemegang polisi pulangan yang sebanding dengan kadar faedah semasa tetapi risiko yang ternyata lebih rendah berbanding risiko pelaburan ekuiti. Maka, dana ini akan melabur sebahagian besarnya dalam instrumen pasaran wang yang berjangka pendek hingga sederhana. Dana akan dilaburkan secara sepenuhnya untuk memberikan para pelabur pendedahan maksimum dalam sekuriti pendapatan tetap.

Objektif Dana

DANA HLA VENTURE MANAGED

Dana HLA Venture Managed bertujuan untuk menyediakan para pelabur prospek kenaikan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelbagai instrumen pasaran modal termasuk ekuiti, sekuriti kerajaan, sekuriti hutang swasta, instrumen pasaran wang serta aset luar negara dan terbitan-terbitan asing. Dana ini sesuai bagi para pelabur yang sanggup mengambil risiko sederhana kerana pelaburan adalah kebanyakannya dalam instrumen pendapatan tetap sementara pendedahan ekuiti adalah terhad sehingga maksimum 50%.

DANA HLA VENTURE GLOBAL

Dana HLA Venture Global melabur dengan, tetapi tidak terhad kepada HLG Global Resource Income Fund, HLG Asia-Pacific Dividen Fund dan HLG Strategic Fund yang menggunakan ekuiti, pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang sebagai aset dasar mereka.

DANA HLA VENTURE FLEXI

Objektif Dana HLA Venture Flexi adalah untuk menyediakan para pelabur peluang untuk menikmati kenaikan modal jangka sederhana hingga panjang daripada sektor semasa dan tema pelaburan di pasaran ekuiti Malaysia.

DANA-DANA HLA EVERGREEN

Dana ini dirangka untuk memberikan para pelabur perlindungan modal dan keuntungan yang lebih baik melalui pelaburan yang sistematik dalam strategi jual beli pelbagai aset secara global jangka panjang dan pendek (ekuiti, mata wang, faedah, komoditi, hartanah, strategi dana lindung nilai). Strategi utama pelaburan dilaksanakan melalui kaedah pengoptimuman portfolio. Dana adalah dana terbuka dengan tarikh matang yang ditetapkan. Pelaksanaan pelaburan dicapai melalui Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung ("FRNID") yang diterbitkan oleh CIMB Bank Berhad.

DANA HLA CASH

Dana ini bertujuan untuk memberikan perlindungan prinsipal yang tinggi dan pulangan yang tetap dan berterusan kepada para pelabur dengan melabur dalam instrumen pasaran wang. Pulangan adalah sebanding dengan kadar dasar semalaman semasa tetapi dengan risiko yang ternyata lebih rendah daripada risiko pelaburan ekuiti.

Objektif Dana

DANA HLA SECURE

Strategi ini adalah untuk menyediakan para pelabur akses terhadap portfolio pelaburan yang pelbagai dengan campuran ekuiti dan instrumen pendapatan tetap. Dana akan melabur terutamanya dalam instrumen pendapatan tetap seperti bon, instrumen pasaran wang, repo dan deposit dengan institusi kewangan yang menyediakan pendapatan tetap serta dalam saham berdividen tinggi untuk meningkatkan pulangan dana. Keputusan peruntukan aset antara instrumen pendapatan tetap dan ekuiti diputuskan selepas mempertimbangkan prospek pendapatan tetap dan pasaran ekuiti dalam ufuk jangka sederhana hingga jangka panjang. Pada peringkat awal, dana akan melabur dengan diperantara ke dalam Dana Affin Hwang Select Income, yang diuruskan oleh Hwang Investment Management Berhad, dengan pilihan untuk meningkatkan bilangan dana atau menggantikan Dana Affin Hwang Select Income dengan dana(-dana) lain pada masa hadapan.

DANA HONG LEONG SMART GROWTH

Objektif utama dana ini adalah untuk menyediakan pelabur dengan pertumbuhan modal jangka panjang. Dana ketika ini diperantara ke dalam Dana Kenanga Growth yang melabur dalam portfolio pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti syarikat di Malaysia, yang mempunyai model perniagaan yang mampan yang diniagakan pada diskaun kepada nilai intrinsiknya.

HLA DANA SURIA

HLA Dana Suria menyediakan para pelabur akses yang mampu milik kepada portfolio pelaburan yang pelbagai yang menawarkan pulangan yang tetap dan berterusan sepanjang ufuk pelaburan jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti tempatan dan global dan sekuriti berpendapatan tetap yang mematuhi keperluan Syariah.

Dana akan melabur dengan diperantara ke dalam Hong Leong Dana Maa'rof (diuruskan oleh Hong Leong Asset Management) dan HLA Venture Dana Putra dengan pilihan untuk menambah bilangan dana atau menggantikan dana pada masa hadapan.

Hong Leong Dana Maa'rof akan melabur minimum 40% dan maksimum 60% daripada Nilai Aset Bersihnya ("NAB") dalam ekuiti patuh Syariah manakala HLA Venture Dana Putra akan melabur sehingga maksimum 90%, tetapi tidak kurang daripada 40% daripada NAB Dana dalam ekuiti.


Dana HLA VALUE

Dana HLA Value memberikan pelabur akses yang berpatutan ke dalam pelbagai portfolio pelaburan yang bertujuan untuk mencapai keuntungan peratusan yang besar dengan melabur dalam syarikat-syarikat yang berjaya serta mempunyai keadaan kewangan yang stabil sambil saham menjual pada harga yang hampir atau pada diskaun yang tinggi kepada nilai ketara bersih saham mereka.

Ulasan Pelaburan

Pasaran Ekuiti

Indeks Komposit FBM Kuala Lumpur (1 Julai 2016 – 30 Jun 2017)



Sumber: RHB Research Institute Sdn Bhd

Pasaran memulakan tahun kewangan di bawah semakan dengan nada yang baik pada waktu permulaan berikutan penurunan kadar OPR kepada 3% yang tidak dijangka oleh Bank Negara pada awal Julai 2016. Bagaimanapun, rali ternyata singkat kerana para pelabur bimbang mengenai kenaikan kadar Fed dan kemenangan Donald Trump yang tidak diduga dalam pilihan raya Presiden Amerika Syarikat pada November 2016. Pasaran baru muncul bereaksi terhadap kemungkinan kejatuhan dari kemenangan Trump kerana semasa kempenya, beliau telah berulang kali menekankan kempen "Dahulukan Amerika" yang mencadangkan dasar perdagangan negatif terhadap Asia. Dengan itu, terdapat aliran keluar dana di seluruh rantau ini dengan Ringgit mengalami penurunan paling ketara. Aliran keluar dana ini berterusan pada bulan Disember kerana Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) memberi petunjuk kenaikan kadar faedah pada tahun 2017.

Sementara itu, latar belakang domestik juga lemah kerana pendapatan korporat terus mengecewakan dengan wajaran besar sektor seperti Bank dan Telekomunikasi menunjukkan penurunan. Ini menyebabkan pertumbuhan pendapatan negatif dicatat oleh FBMKLCI bagi tahun ke-3 secara berturut-turut (-2%). Angka-angka data makroekonomi juga menunjukkan tanda-tanda tekanan dengan perbelanjaan dan sentimen pengguna yang masih lemah.

Ulasan Pelaburan

Pasaran Ekuiti (Samb.)

Walau bagaimanapun, tahun 2017 adalah tempoh yang berbeza untuk pasaran ekuiti Malaysia memandangkan tahun kalendar baru bermula dengan pengumuman transformasi pertama PNB yang dijangka selepas pelantikan Tan Sri Wahid sebagai Pengerusi. Pelupusan UMW Oil and Gas oleh UMW Holdings dan selanjutnya pembubaran gabungan Sime Darby kepada 3 syarikat mandiri meletakkan Malaysia Inc. kembali dalam radar pelabur asing.

Berikutan perkembangan korporat yang menarik di pasaran Malaysia dan meredanya kebimbangan mengenai dasar cukai dan perdagangan "tidak mesra Asia" oleh Presiden Trump, para pelabur beralih kembali kepada mod "risiko". Dengan itu, terdapat aliran masuk dana asing yang besar sebanyak RM10.8bn pada 1H 2017 berbanding jualan bersih sebanyak RM27.9bn pada tahun 2014-2016. Aliran masuk ini juga didorong oleh prospek perolehan korporat yang lebih baik dengan peningkatan dalam sektor utama seperti Bank, Pembinaan, Sarung tangan dan Petrokimia.

Akhirnya pertumbuhan KDNK 1Q 2017 sebanyak 5.6% tahun ke tahun yang diumumkan pada Mei 2017, iaitu yang terbaik daripada jangkaan dan merupakan pertumbuhan tertinggi sejak 1Q 2015 juga merangsang pasaran. Hasil daripada penggabungan faktor positif ini, FBMKLCI mengakhiri tempoh di bawah semakan pada 1764 mata, meningkat 7.2%.

Pasaran Pendapatan Tetap

Bagi pasaran pendapatan tetap, tahun kewangan di bawah semakan sesungguhnya penuh dengan peristiwa, mengambil petunjuk daripada satu siri peristiwa global yang tidak pernah berlaku sebelum ini, iaitu keputusan Brexit yang di luar dugaan pada bulan Jun 2016, kemenangan pemilihan presiden Donald Trump yang mengejutkan dan perjanjian OPEC untuk mengurangkan pengeluaran minyak. Walau bagaimanapun, antara peristiwa utama ini, pemilihan presiden Trump telah menukar ragam permainan pasaran bon kerana hasil Perbendaharaan AS (UST) terus meningkat apabila pemain pasaran menjangka dasar Trump akan mempercepatkan inflasi dan memacu prospek pertumbuhan. Ini seterusnya mendorong jualan mata wang dan bon pasaran baru muncul dengan USD/MYR susut lebih daripada 5% sementara hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat sebanyak setinggi 90 bps.

Jualan besar-besaran di Malaysia akhirnya mendorong pemilikan asing MGS jatuh kepada 48.4% pada November 2016 (Okt: 51.9%). Walau bagaimanapun, minat belian mula muncul daripada akaun wang benar pesisir dalaman tempatan apabila pemburuan murah untuk nilai bermula walau pun pada jumlah dagangan yang rendah. Tahun kewangan pertengahan yang pertama berakhir dengan Federal Reserve (Fed) menaikkan Kadar Dana sebanyak 25 bps pada mesyuarat FOMC bulan Disember.

Ulasan Pelaburan

Pasaran Pendapatan Tetap (Samb.)

Melangkah ke tahun 2017, terdapat kebimbangan pada awal tahun kalendar mengenai kemungkinan keputusan pilihan raya utama di Eropah selepas undi Brexit yang mengejutkan di UK pada tahun 2016 kerana wujud potensi perpecahan Kesatuan Eropah dan pembubaran Euro. Ini telah berjaya dilegakan berikutan Emmanuel Macron yang pro-EU memenangi dengan kukuh sayap kanan EU-skeptik Marine Le Pen dalam Pilihan Raya Presiden Perancis pada Mei 2017. Sementara itu, ketegangan geopolitik yang berpunca dari Korea Utara juga menyebabkan aliran kepada pelaburan selamat tetapi secara umumnya hasil bon tempatan dan asing adalah meruap terutamanya ketika mesyuarat FOMC semakin hampir. Secara keseluruhannya, Fed menaikkan 50bps lagi pada 1H2017; 25 bps masing-masing pada bulan Mac dan Jun.

Oleh itu, pergerakan hasil MGS adalah meruap menjejaki UST tetapi berada pada arah aliran menurun secara keseluruhan dari Januari-Jun 2017. Sejak pengumuman kelonggaran pelindungan nilai tukaran asing pesisir dalaman pada 13 April, prospek Ringgit telah menjadi cerah berikutan kemasukan semula aliran asing. Pada bulan tersebut, Bank Negara Malaysia juga membenarkan penjualan MGS yang lebih luas tetapi dikawal selia kepada semua entiti pemastautin. Di samping itu, Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) juga menjadi sekuriti yang layak untuk jualan singkat, demi meningkatkan kecairan dalam dagangan GII dan mengurangkan jurang harga sekuriti ini terhadap MGS. Dengan langkah-langkah ini, kelok MGS meningkat mendadak, dengan hasil lebih rendah sebanyak 15-25bps untuk bon jangka pendek tetapi bon ultra-panjang kurang berprestasi kerana kenaikan dalam penawaran tempoh di kedua-dua sektor kerajaan dan separa-kerajaan.

Tinjauan Pelaburan

Pasaran Ekuiti

Ketika melangkah ke tempoh yang seterusnya bagi tahun 2017, pasaran ekuiti Malaysia kelihatan mengambil lega yang amat diperlukan selepas kenaikan baru-baru ini. Sebenarnya, kami menjangka bahawa pasaran boleh terus bertahan jika tidak lebih berhati-hati berikutan kebimbangan jangka pendek tertentu di peringkat domestik dan luaran. Penilaian FBMKLCI kini didagangkan pada PE setahun ke depan pada 16.7x, iaitu lebih tinggi daripada purata 3 tahun pada 16x. Walau bagaimanapun, kami menjangkakan pasaran mungkin terlalu konservatif dalam anggaran pendapatan bagi modal besar dan mungkin disemak semula ke atas yang membawa kepada penilaian yang kembali ke tahap yang munasabah.

Satu lagi kebimbangan jangka pendek adalah, terdapat kira-kira RM44.5bn MGS akan matang pada bulan Ogos hingga November 2017. Ia tetap tidak menentu sama ada pelabur asing yang kini memiliki purata 27% daripada MGS tertunggak ini akan repatriat wang tersebut pada tempoh matang atau melabur kembali ke dalam MGS. Oleh itu, kami menjangkakan Ringgit dan seterusnya, pasaran ekuiti menjadi meruap ketika menghampiri tarikh matang tersebut.

Bagi risiko luar, kuasa kitaran akan terus memacu gelombang reflasi global yang menyaksikan pemulihan meluas merentasi geografi dan sektor yang memberi manfaat kepada ekonomi berorientasikan eksport dan ekonomi yang dipacukan oleh komoditi seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, keadaan monetari yang ketat tidak dapat dielakkan yang mungkin menjejaskan pertumbuhan global dan menyebabkan "Taper Tantrum Bahagian 2".

Meskipun begitu, wujud keyakinan bahawa sebarang perkara negatif akan diimbangi oleh pengumuman dan penyempurnaan aktiviti M&A seperti rancangan transformasi PNB yang berterusan, khususnya penyenaian 3 bahagian utama Sime Darby dan penggabungan SP Setia dan Island and Peninsula.

Di samping itu, pada 27 Oktober 2017, Bajet Negara 2018 akan dibentangkan untuk menyeragamkan hala tuju makro dan sasaran Malaysia yang lebih mendekati Rancangan Malaysia Ke-11. Harapannya adalah bahawa ini akan menyumbang dengan baik bagi sektor pembinaan dan bahan pembinaan memandangkan pembangunan infrastruktur akan terus menerima perbelanjaan pembangunan kerajaan yang mantap.

Tinjauan Pelaburan

Pasaran Pendapatan Tetap

Bagi pendapatan tetap, bank-bank pusat global dijangka berbalik dari dasar monetari akomodatif baru-baru ini dan memperbaiki prospek pertumbuhan dan inflasi. Begitu juga, Fed telah menunjukkan hasratnya untuk mengurangkan pegangan UST dan sekuriti agensi. Fed melepaskan lembaran imbangannya yang akan menandakan permulaan penghujungnya kepada rangsangan monetari krisis kewangan yang bermula pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, pelepasan program pelonggaran kuantitatif (QE), FED juga turut memberi sokongan lanjut bahawa kenaikan kadar faedah akan beransur-ansur membawa kepada kenaikan 25bps (kepada 1.50-1.75%) untuk sepanjang tahun 2017 dengan kenaikan 25bps lagi bagi tahun 2018.

Sementara itu, Bank Pusat Eropah baru-baru ini juga meyakinkan bahawa ia juga akan membalikkan pendiriannya yang akomodatif dan mula melepaskan QE pada waktu tertentu dalam tahun 2018. Dengan jangkakan pengetatan monetari dan pelepasan QE secara global, kami berpendapat bahawa UST akan menjadi meruap kerana sentimen akan ditentukan oleh data ekonomi.

Bagi Malaysia, oleh sebab pasaran MGS mempunyai pemilikan asing yang tinggi yang pada masa ini berjumlah RM149.6bn atau 41.2% daripada jumlah MGS tertunggak (pada Jun 2017), ia masih terdedah kepada pembalikan aliran dana asing. Kami menjangka bahawa jika ada aliran keluar asing, keluk hasil berkemungkinan besar akan mencuram terutamanya bon bertarikh lama. Namun demikian, kami berpendapat bahawa OPR akan dikekalkan pada 3.00% pada tahun kewangan yang akan datang dan MGS akan disokong oleh kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan. Oleh itu, hasil mungkin tidak akan mengalami kenaikan mendadak tetapi jika terdapat sebarang reaksi tindak balas, ia akan menjadi satu peluang yang baik bagi kami menggunakan wang tunai untuk mengunci hasil. Sementara itu, strategi adalah untuk memberi tumpuan kepada tawaran utama sambil meneroka peluang dagangan pasaran tempatan atau luar pesisir untuk peningkatan hasil.

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017


DANA HLA VENTURE GROWTH

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, penanda aras FBMKLCI mencatatkan keuntungan sebanyak 6.63% didorong oleh perkembangan luaran dan dalam negeri yang positif. Peruntukan ekuiti global mengalir kembali ke pasaran baru muncul memandangkan kesan kepimpinan Trump di AS berkurangan. Di dalam negeri, sentimen didorong oleh jangkaan untuk pilihan raya umum yang akan diadakan pada 2H17 dan pemulihan perolehan korporat selepas empat tahun penguncupan perolehan.

Bagi Dana, ia meningkat 16.0% tahun hingga kini, mengatasi penanda aras dengan stabil sebanyak 9.37% disebabkan oleh kedudukan saham yang lebih baik selepas merombak komposisi portfolio pada tahun sebelumnya. Oleh itu, pemilihan saham telah menjadi asas dalam prestasi dana ini. Dari segi strategi, Dana akan terus melabur dalam syarikat yang boleh menawarkan prospek pertumbuhan perolehan yang tinggi yang akan mengatasi prestasi pasaran yang lebih luas dalam jangka panjang.

Pada 30 Jun 2017

Perubahan harga, pengiraan diindekskan



Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE GROWTH

Prestasi dana					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM'000)	400,866	344,180	353,943	376,725	343,365
Bilangan unit ('000)	178,328	177,558	173,160	170,081	166,636
NAB seunit (RM)	2.248	1.938	2.044	2.215	2.061
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.264	2.071	2.265	2.227	2.140
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.937	1.777	1.950	1.967	1.809
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	16.00%	-5.19%	-7.72%	7.47%	13.99%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	16.00%	-5.19%	-7.72%	7.47%	13.99%
- 3 tahun	0.35%	-2.11%	4.31%	6.56%	10.55%
- 5 tahun	4.84%	0.94%	6.11%	13.43%	9.77%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMKLCI)					
- 1 tahun	6.63%	-3.08%	-9.35%	6.16%	10.91%
- 3 tahun	-2.11%	-2.25%	2.24%	6.41%	11.66%
- 5 tahun	2.06%	0.95%	5.98%	15.02%	9.89%

Kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Ekuiti disebut harga	90.83	71.27	85.73	87.17	86.42
Unit amanah dan amanah pelaburan hartanah ("REIT") disebut harga	-	0.63	0.51	0.44	3.65
Aset-aset derivatif	-	0.06	0.13	0.10	0.02
Tunai dan setara tunai	10.18	27.61	13.45	13.52	9.98
Lain-lain	(1.01)	0.43	0.18	(1.23)	(0.07)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE GROWTH

Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Pembinaan	15.97	14.10	8.05	7.65	8.35
Produk pengguna	1.53	4.38	5.75	6.24	4.21
Kewangan	17.87	17.19	17.33	16.34	18.64
Produk industri	4.93	7.33	6.32	10.23	5.11
Infrastruktur	4.47	2.18	0.59	0.49	1.77
Perkilangan	3.86	1.08	4.06	-	-
Perladangan	10.34	9.50	10.87	12.70	12.65
Hartanah	3.13	5.51	8.18	9.43	13.09
Teknologi	0.25	-	3.33	-	-
Perdagangan/perkhidmatan	37.65	38.73	35.52	36.72	36.18
Warran	-	-	-	0.20	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017


DANA HLA VENTURE BLUE CHIP

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana mencatatkan peningkatan sebanyak 15.01%, mengatasi penanda aras FBMKLCI yang meningkat 6.63%. Pulangan yang lebih baik bagi Dana adalah disebabkan terutamanya oleh prestasi kukuh saham teras utama Dana iaitu CIMB, Sime Darby dan Maybank. Walaupun keuntungan dalam saham perbankan membantu mengekalkan pasaran yang memberangsangkan, kerugian dalam saham telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan media mengheret prestasi pasaran secara keseluruhan. Bursa tempatan juga menerima rangsangan daripada aliran masuk ekuiti asing dengan aliran masuk terkumpul pada 1H17 yang mengagumkan iaitu kira-kira RM10 bilion. Walau bagaimanapun, kenaikan Ringgit kelihatan terhad dari sini, oleh itu kadar aliran masuk akan melega.

Secara purata bagi tempoh di bawah semakan, Dana adalah 80% dilaburkan dalam ekuiti. Usaha penstrukturan semula Dana diteruskan pada tahun kewangan lepas untuk mengurangkan bilangan saham dalam portfolio yang terbukti membuahkan hasil seperti yang dibuktikan oleh prestasi dua digit. Melangkah ke hadapan, tumpuan akan tetap pada saham modal besar yang cair dengan kunci kira-kira yang kukuh dan pengurusan yang terbukti.

Pada 30 Jun 2017

Perubahan harga, pengiraan diindekskan



Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE BLUE CHIP

Prestasi dana					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM'000)	205,498	172,834	178,519	189,851	152,767
Bilangan unit ('000)	80,542	77,936	76,095	76,931	71,314
NAB seunit (RM)	2.551	2.218	2.346	2.468	2.142
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.596	2.372	2.558	2.479	2.190
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	2.222	2.098	2.195	2.081	1.844
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	15.01%	-5.46%	-4.94%	15.22%	16.16%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	15.01%	-5.46%	-4.94%	15.22%	16.16%
- 3 tahun	0.97%	1.05%	9.08%	12.52%	14.60%
- 5 tahun	7.67%	4.72%	11.50%	18.77%	12.06%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMKLCI)					
- 1 tahun	6.63%	-3.08%	-9.35%	6.16%	10.91%
- 3 tahun	-2.11%	-2.25%	2.24%	6.41%	11.66%
- 5 tahun	2.06%	0.95%	5.98%	15.02%	9.89%

Kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Ekuiti disebut harga	85.63	67.43	83.63	86.85	72.07
Unit amanah dan amanah ("REIT") disebut harga	1.19	8.92	7.34	7.30	9.63
Aset-aset derivatif	-	0.02	-	0.02	-
Tunai dan setara tunai	14.19	24.78	10.60	8.06	19.68
Lain-lain	(1.01)	(1.15)	(1.57)	(2.23)	(1.38)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE BLUE CHIP

Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Pembinaan	16.22	13.48	8.01	6.68	7.21
Produk pengguna	-	-	2.52	3.07	2.44
Kewangan	20.21	15.21	13.62	13.18	18.16
Produk industri	4.55	5.22	7.86	10.53	7.26
Infrastruktur	5.19	4.14	2.41	1.99	3.78
Perkilangan	3.97	-	-	-	-
Perladangan	9.76	8.97	8.98	9.75	14.22
Hartanah	4.27	6.84	7.82	7.77	5.18
Teknologi	0.27	-	8.57	4.21	2.55
Perdagangan/perkhidmatan	35.56	46.14	40.17	42.72	39.20
Warran	-	-	0.04	0.10	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017


HLA VENTURE DANA PUTRA

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana meningkat 13.80% berbanding kenaikan 5.94% dalam penanda aras indeks FBM Syariah. Saham teras dalam portfolio seperti Sime Darby, Yinson dan Kerjaya Prospek menyumbang kepada prestasi keseluruhan dana.

Secara purata bagi tempoh di bawah semakan, Dana adalah 85% dilaburkan. Kami meningkatkan wajaran ekuiti ketika kami mengambil peluang naratif positif dari peningkatan pertumbuhan perolehan yang dipacu oleh harga komoditi yang tinggi dan inisiatif fiskal kerajaan menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14. Pertumbuhan perolehan yang positif adalah pemacu utama di sebalik kembalinya pelabur asing sebagai pembeli bersih selepas 3 tahun berturut-turut menjual. Makro domestik kekal positif dan kami terus mengharapkan pertumbuhan perolehan akan terus berlaku pada tahun 2018. Dana ini akan terus melabur dalam syarikat berkualiti yang boleh menawarkan pertumbuhan perolehan dengan pengurusan modal yang mantap.

Pada 30 Jun 2017

Perubahan harga, pengiraan diindekskan



Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

HLA VENTURE DANA PUTRA

Prestasi dana					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM'000)	68,370	56,643	57,088	60,367	46,510
Bilangan unit ('000)	26,313	24,810	23,832	23,372	20,989
NAB seunit (RM)	2.598	2.283	2.395	2.583	2.216
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.646	2.456	2.640	2.596	2.264
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	2.278	2.196	2.247	2.152	1.840
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	13.80%	-4.68%	-7.28%	16.56%	18.63%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	13.80%	-4.68%	-7.28%	16.56%	18.63%
- 3 tahun	0.08%	0.88%	9.36%	11.86%	9.86%
- 5 tahun	7.79%	3.97%	8.01%	14.30%	7.75%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMEmas Shariah)					
- 1 tahun	5.94%	-0.87%	-8.80%	8.89%	11.74%
- 3 tahun	-1.41%	-0.52%	3.65%	9.10%	13.43%
- 5 tahun	3.31%	3.01%	7.86%	15.96%	8.64%

Kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Ekuiti disebut harga	88.54	70.43	82.17	77.95	83.63
Unit amanah dan amanah ("REIT") disebut harga	1.35	-	-	-	-
Tunai dan setara tunai	11.02	26.94	17.74	23.97	17.42
Lain-lain	(0.91)	2.63	0.09	(1.92)	(1.05)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

HLA VENTURE DANA PUTRA

Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Pembinaan	16.47	12.26	13.02	13.24	15.42
Produk pengguna	8.74	12.62	7.96	6.57	4.93
Kewangan	2.25	-	5.64	5.72	6.08
Produk industri	18.05	10.14	10.02	10.92	4.41
Infrastruktur	1.37	-	-	-	1.52
Perkilangan	3.40	1.75	-	-	-
Perladangan	12.09	16.44	11.62	11.13	10.67
Hartanah	5.17	8.60	6.40	8.71	7.57
Teknologi	-	-	11.80	6.12	4.62
Perdagangan/perkhidmatan	32.46	38.19	33.39	37.33	44.71
Warran	-	-	0.15	0.26	0.07
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017


DANA HLA VENTURE INCOME

Bagi tahun kewangan di bawah semakan, Dana berjaya mencapai pulangan sebanyak 4.62% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 3.03% (kadar Deposit Tetap Maybank dikompaun 3 bulan). Prestasi cemerlang ini disebabkan terutamanya oleh dagangan aktif dalam pasaran bon asing. Walau bagaimanapun, pengurus dana mengambil keputusan untuk melupuskan aset asing pada pertengahan pertama tahun kewangan disebabkan oleh kemeruapan di pasaran bon Amerika Syarikat. Pada 30 Jun 2017, Dana adalah 87.45% dilaburkan dalam bon korporat, 8% dalam hutang berdaulat dengan bakinya dalam tunai.

Dengan jangkaan pengetatan monetari dan pelepasan QE secara global, keluk hasil mungkin mencuram terutamanya bon berjangka panjang. Oleh itu, Dana mungkin mencari peluang dagangan di pasaran bon berdaulat tempatan untuk peningkatan hasil sementara memberi tumpuan lebih kepada tawaran utama di kedua-dua pasaran tempatan dan asing.

Pada 30 Jun 2017

Perubahan harga, pengiraan diindekskan



Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE INCOME

Prestasi dana					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM'000)	125,493	114,691	102,504	89,139	84,682
Bilangan unit ('000)	57,162	54,673	51,787	47,770	47,352
NAB seunit (RM)	2.195	2.098	1.979	1.866	1.788
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.195	2.097	1.980	1.866	1.798
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	2.096	1.979	1.866	1.782	1.669
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	4.62%	6.01%	6.06%	4.36%	7.07%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	4.62%	6.01%	6.06%	4.36%	7.07%
- 3 tahun	5.88%	5.71%	6.13%	5.72%	6.21%
- 5 tahun	6.26%	6.35%	6.26%	6.20%	6.06%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (3-Bln Simpanan Tetap)					
- 1 tahun	3.03%	3.25%	3.26%	3.10%	3.08%
- 3 tahun	3.28%	3.31%	3.25%	3.18%	2.94%
- 5 tahun	3.35%	3.36%	3.17%	2.92%	2.89%

Kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kertas Cagamas	7.99	-	-	4.99	3.63
Sekuriti hutang disebut harga	-	-	-	3.23	14.50
Sekuriti hutang tidak disebut harga	87.45	89.10	88.02	85.42	62.58
Aset-aset derivatif	-	0.51	-	-	-
Tunai dan setara tunai	4.04	10.33	15.54	4.66	19.77
Lain-lain	0.52	0.06	(3.56)	1.70	(0.48)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE MANAGED


Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana meningkat 10.37%, mengatasi prestasi indeks penanda aras (50% daripada kadar Deposit Tetap Maybank dikompaun 3 bulan + 50% FBMKLCI) sebanyak 5.05% di sebalik pasaran ekuiti yang lebih mantap. Dana meningkatkan tahap ekuiti daripada 36% pada Jun 2016 kepada 45% pada akhir bulan Jun 2017. Melangkah ke hadapan, kami mungkin mengekalkan wajaran ekuiti kami tetapi akan memberi tumpuan yang lebih besar kepada syarikat ketinggalan yang defensif dan syarikat dengan pengurusan modal yang mantap.

Sementara itu, Dana pada akhir tahun kewangan adalah 46.48% dilabur dalam pendapatan tetap khususnya bon korporat yang menawarkan hasil yang lebih baik, justeru menambah pendapatan yang stabil kepada Dana. Pengurus juga berdagang dalam MGS dan bon asing apabila terdapat peluang arbitraj untuk meningkatkan prestasi.

Melangkah ke hadapan, kami mungkin mengekalkan tahap peruntukan aset pendapatan tetap sedia ada. Di samping itu, kami akan terus menambah MGS dan bon korporat yang berkualiti melalui terbitan utama dan juga dagangan bon asing apabila terdapat peluang untuk meningkatkan hasil portfolio. Dalam jangka sederhana hingga panjang, kami akan lebih cenderung memilih kedua-dua bon berdaulat dan korporat yang lebih defensif dan kurang pengaruh kitaran.

Pada 30 Jun 2017

Perubahan harga, pengiraan diindekskan



Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE MANAGED

Prestasi dana					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM'000)	209,538	166,542	144,074	128,066	107,649
Bilangan unit ('000)	98,936	86,803	75,760	65,735	57,873
NAB seunit (RM)	2.118	1.919	1.902	1.948	1.860
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.124	1.955	1.969	1.956	1.886
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.919	1.819	1.836	1.815	1.686
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	10.37%	0.89%	-2.36%	4.73%	10.39%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	10.37%	0.89%	-2.36%	4.73%	10.39%
- 3 tahun	2.82%	0.93%	4.27%	5.65%	8.84%
- 5 tahun	5.13%	3.04%	5.87%	9.40%	7.80%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (50%FBMKLCI+50%Simpanan Tetap)					
- 1 tahun	5.05%	-0.80%	-4.80%	4.68%	7.42%
- 3 tahun	0.06%	-0.38%	2.35%	4.82%	7.55%
- 5 tahun	2.63%	1.62%	4.45%	8.84%	6.51%

Kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Ekuiti disebut harga	44.75	33.50	36.46	42.44	42.47
Unit amanah dan amanah ("REIT") disebut harga	0.56	2.02	1.34	1.37	1.19
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kertas Cagamas	4.79	-	-	2.69	1.91
Sekuriti hutang disebut harga	-	-	-	-	4.84
Sekuriti hutang tidak disebut harga	41.69	46.35	49.37	45.09	39.17
Aset-aset derivatif	-	0.19	-	-	-
Tunai dan setara tunai	8.38	17.87	12.12	8.63	10.32
Lain-lain	(0.17)	0.07	0.71	(0.22)	0.10
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE MANAGED

Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Pembinaan	18.46	16.43	12.37	12.54	14.47
Produk pengguna	2.63	4.42	5.31	9.25	6.00
Kewangan	15.44	11.59	10.94	9.93	13.87
Produk industri	9.67	5.04	8.82	6.79	4.51
Infrastruktur	5.50	1.33	1.05	0.93	2.42
Perkilangan	3.22	-	-	-	-
Perladangan	7.13	5.83	8.02	13.13	13.92
Hartanah	3.03	6.05	9.17	9.85	10.34
Teknologi	-	-	6.34	-	-
Perdagangan/perkhidmatan	34.92	49.31	37.98	37.43	34.47
Warran	-	-	-	0.15	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE GLOBAL

Ringkasan Prestasi Pelaburan

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana berjaya mencapai pulangan sebanyak 14.70% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 15.44% (1/3 Indeks MSCI AC Asia Pacific ex Japan + 1/3 Indeks MSCI ACWI + 1/3 Indeks RAM Quantshop MGS All). Dana melaburkan sehingga 95% daripada NAB ke dalam Dana Hong Leong Strategic dan Dana Hong Leong Asia Pacific Dividen. Prestasi dan strategi dana masing-masing dijelaskan di bawah.

Dana Hong Leong Strategic mencatatkan pulangan sebanyak 10.43% semasa tempoh di bawah semakan. Berkenaan sektor, sektor produk pengguna, perdagangan/perkhidmatan dan teknologi merupakan penyumbang utama kepada prestasi Dana. Sektor produk perindustrian dan hartanah ialah sektor yang menjejaskan prestasi Dana.

Dana Hong Leong Asia Pacific Dividend mencatatkan pulangan sebanyak 22.18% semasa tempoh di bawah semakan. Berkenaan sektor, sektor perindustrian dan pengguna merupakan penyumbang utama kepada prestasi Dana. Sektor tenaga dan kepelbagaian ialah sektor yang menjejaskan prestasi Dana.

Prestasi Aset Rujukan

Berikutan Rizab Persekutuan AS bercadang untuk menjadikan kadar faedah normal dan untuk mengurangkan kunci kira-kira, ini mungkin mengekalkan dolar AS kukuh, dengan itu menimbulkan masalah kepada perolehan syarikat serantau memandangkan kos input semakin meningkat. Kami lebih gemar perniagaan yang berfokuskan domestik kerana terdapat ketidakpastian mengenai dasar perdagangan asing dengan pentadbiran AS yang baru dipilih. Walau bagaimanapun, kami masih lagi mengekalkan wajaran lebih dalam sektor berkaitan infrastruktur dan bahan binaan dan syarikat barangan pengguna tertentu yang mempunyai dasar dividen yang kukuh dan pertumbuhan perolehan yang berdaya tahan.

Bagi pendapatan tetap, kami agak positif dalam jangka terdekat kerana kami terus menjangka permintaan domestik memacu pertumbuhan dan pemacu jangka terdekat mungkin termasuk keputusan Pilihan Raya Umum yang menggalakkan. Dana akan memasuki kedudukan dagangan taktikal pada mana-mana penurunan di pasaran bon kerajaan.

Bagi rantau ini, kami positif terhadap syarikat yang akan meraih manfaat daripada pengembangan permintaan domestik di Asia. Bagi pasaran tempatan, kami positif terhadap syarikat yang diuruskan dengan baik yang akan meraih manfaat daripada kemungkinan rangsangan ekonomi kerajaan. Kami terus melabur dalam saham modal besar terpilih yang diperdagangkan pada penilaian yang menarik.


Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE GLOBAL

Pada 30 Jun 2017

Perubahan harga, pengiraan diindekskan



Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE GLOBAL

Prestasi dana					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM'000)	28,972	24,357	21,661	20,391	19,158
Bilangan unit ('000)	22,100	21,301	19,697	18,374	18,388
NAB seunit (RM)	1.311	1.143	1.100	1.110	1.042
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.317	1.154	1.146	1.117	1.091
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.146	1.022	1.059	0.998	0.990
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	14.70%	3.91%	-0.90%	6.53%	3.58%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	14.70%	3.91%	-0.90%	6.53%	3.58%
- 3 tahun	6.13%	3.03%	3.23%	0.52%	3.86%
- 5 tahun	6.15%	0.91%	3.56%	5.51%	0.23%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (Penanda Aras Komposit)					
- 1 tahun	15.44%	-2.68%	1.70%	14.02%	9.27%
- 3 tahun	4.75%	4.28%	8.90%	6.28%	8.65%
- 5 tahun	8.47%	3.52%	9.21%	12.12%	4.07%

Kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Unit amanah tidak disebut harga	97.06	82.94	91.70	91.50	87.70
Tunai dan setara tunai	3.26	16.83	7.40	7.52	11.32
Lain-lain	(0.32)	0.23	0.90	0.98	0.98
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017


DANA HLA VENTURE FLEXI

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana meningkat sebanyak 22.33% berbanding pulangan indeks penanda aras sebanyak 6.63%. Prestasi cemerlang Dana disebabkan terutamanya oleh pemilihan saham secara oportunistik dan putaran sektor kepada lebih banyak saham kitaran. Pasaran lebih memberangsangkan pada 1H17 yang sebahagian besarnya didorong oleh jangkaan yang lebih tinggi daripada pembaharuan GLC, petunjuk ekonomi yang lebih stabil dan ketidakpastian politik yang berkurangan. Pilihan Dana dalam saham modal pertengahan yang lebih kecil juga mencapai prestasi yang baik pada tahun kewangan yang lalu. Dari segi peruntukan aset, Dana meningkatkan pegangan ekuiti kepada 82.13% daripada 67.11% pada tahun sebelumnya untuk menangkap peluang rali di pasaran ekuiti.

Melangkah ke hadapan, Dana akan menggunakan strategi yang lebih defensif selepas 1H17 yang cemerlang. Kami menjangkakan 2H17 yang lebih malap bagi FBMKLCI di tengah-tengah cabaran makro seperti tempoh matang MGS yang ketara (pada 2H17), harga minyak mentah dan minyak sawit yang lebih rendah dan kenaikan kadar faedah AS. Kami terus mengambil bahagian dalam tema berikut: (i) infrastruktur mega; (ii) pelaburan langsung asing China dan (iii) aktiviti korporat yang berpotensi (M&A dan pengurusan modal).

Pada 30 Jun 2017

Perubahan harga, pengiraan diindekskan



Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE FLEXI

Prestasi dana					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM'000)	38,863	25,211	21,061	16,222	10,387
Bilangan unit ('000)	38,138	30,253	24,293	17,820	12,889
NAB seunit (RM)	1.019	0.833	0.867	0.910	0.806
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.035	0.908	0.936	0.917	0.835
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	0.835	0.784	0.778	0.766	0.686
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	22.33%	-3.92%	-4.73%	12.90%	16.64%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	22.33%	-3.92%	-4.73%	12.90%	16.64%
- 3 tahun	3.83%	1.00%	8.44%	11.97%	15.29%
- 5 tahun	9.46%	4.88%	11.38%	16.25%	N/A
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMKLCI)					
- 1 tahun	6.63%	-3.08%	-9.35%	6.16%	10.91%
- 3 tahun	-2.11%	-2.25%	2.24%	6.41%	11.66%
- 5 tahun	2.06%	0.95%	5.98%	15.02%	N/A

Kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Ekuiti disebut harga	83.28	63.79	80.96	85.12	71.58
Unit amanah and REITs disebut harga	-	2.44	1.67	1.98	5.54
Tunai dan setara tunai	17.68	33.77	14.69	14.71	22.29
Lain-lain	(0.96)	-	2.68	(1.81)	0.59
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA HLA VENTURE FLEXI

Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Pembinaan	18.42	15.67	12.93	9.82	13.16
Produk pengguna	3.60	11.39	11.41	11.82	8.93
Kewangan	14.06	15.66	9.60	9.85	16.65
Produk industri	17.73	10.19	16.01	13.11	4.69
Infrastruktur	5.28	-	-	-	1.51
Perkilangan	3.36	1.39	-	-	-
Perladangan	5.87	4.20	2.60	12.78	8.78
Hartanah	2.99	5.37	10.51	9.55	15.55
Teknologi	-	-	8.38	-	-
Perdagangan/perkhidmatan	28.69	36.13	28.56	33.07	30.73
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA-DANA HLA EVERGREEN

Ringkasan Prestasi Pelaburan

Indeks Max Invest Save 30Y mencatatkan prestasi terpuji dalam tempoh 12 bulan yang lalu. Indeks mendapat ganjaran bagi wajaran positif yang besar pada hampir kesemua kelas aset yang terlibat. Mata wang dan Ekuiti UK adalah dua pengecualian yang ketara yang menggunakan wajaran negatif. Tahun kewangan lepas menyaksikan kebanyakan kelas aset menikmati peningkatan dalam nilai. Oleh itu, tahap Indeks Max Invest Save 30Y meningkat dengan baik.

Wajaran Max InvestSave 30Y pada Jun 2016 dan Jun 2017 adalah seperti berikut:

Aset-aset Rujukan	Jun 2017	Jun 2016
Ekuiti Amerika	25.88%	28.64%
Ekuiti Jepun	25.88%	-5.88%
Ekuiti Eropah	25.88%	-28.64%
Ekuiti UK	25.88%	-28.64%
Ekuiti Pasaran Baru Muncul	10.35%	11.46%
Ekuiti China	10.35%	0.00%
Indeks Komoditi	-17.13%	17.28%
Hartanah Eropah	19.38%	28.64%
Hartanah Amerika	0.00%	11.46%
Strategi Dana Lindung Nilai	-5.18%	5.73%
Mata Wang	-25.88%	-28.64%

Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

DANA-DANA HLA EVERGREEN

Prestasi Aset Rujukan

Harga Unit Rujukan ("RUP") semasa masih rendah berbanding dengan RUP yang tertinggi dicatatkan dan ini memberikan peluang yang baik kepada pelabur untuk meningkatkan bilangan unit mereka dan untuk mengurangkan wajaran kos purata pelaburan mereka dalam FRNID, di samping mengekalkan tahap terjamin pada tempoh matang semasa waktu yang meruap ini. Pelabur akan berupaya untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi pada tempoh matang kerana pulangan mereka akan dilindungi pada "RUP Tertinggi atau RUP Didorong Tertinggi yang pernah dicapai".

Perlu ambil perhatian bahawa sama seperti 13Y FRNID, Jaminan Maksimum 15Y FRNID (15Y Maximum Assurance FRNID) adalah "tunai terkunci" ("cashlocked") pada 05 Julai 2016. Oleh itu, kedua-dua produk ini tidak lagi mempunyai apa-apa pendedahan kepada Indeks Max InvestSave 30Y. RUP bagi 13Y dan 15Y FRNID kini akan bertindak seakan bon kupon sifar kerana mereka akhirnya mencapai Tahap Terjamin pada tempoh matang. Tempoh yang lain (18Y, 20Y, 25Y) masih terdedah kepada Indeks Max InvestSave 30Y dan prestasi mereka akan terikat kepada pergerakan Indeks tersebut.

Prestasi bagi prestasi dasar Maximum Assurance pada 30 Jun 2017 adalah seperti berikut:

	Jun 2017	Jun 2016	Prestasi
Max InvestSave 30Y	0.902	0.855	5.49%
Ekuiti Amerika	4,678.360	3,968.210	17.90%
Ekuiti Jepun	2,324.060	1,757.690	32.22%
Ekuiti Eropah	6,891.060	5,590.190	23.27%
Ekuiti UK	6,096.920	5,214.610	16.92%
Ekuiti Pasaran Baru Muncul	3,404.810	2,689.320	26.60%
Ekuiti China	10,365.220	8,712.890	18.96%
Indeks Komoditi	682.980	693.860	-1.57%
Hartanah Eropah	5,509.370	5,116.040	7.69%
Hartanah Amerika	79.770	82.390	-3.18%
Strategi Dana Lindung Nilai	206.550	231.047	-10.60%
Mata Wang	0.875	0.900	-2.80%


Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

HLA EVERGREEN 2023

Pada 30 Jun 2017

Perubahan harga, pengiraan diindekskan



Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

HLA EVERGREEN 2023

Prestasi dana					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM'000)	26,952	27,532	28,993	33,413	37,278
Bilangan unit ('000)	27,865	29,566	31,826	37,093	42,046
NAB seunit (RM)	0.967	0.931	0.911	0.901	0.887
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	0.970	0.941	0.911	0.903	0.896
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	0.936	0.904	0.901	0.884	0.878
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	3.87%	2.20%	1.11%	1.58%	-2.21%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	3.87%	2.20%	1.11%	1.58%	-2.21%
- 3 tahun	2.42%	1.99%	1.18%	-0.10%	N/A
- 5 tahun	2.02%	0.80%	N/A	N/A	N/A
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (KLIB3M+2.65% setahun)					
- 1 tahun	6.27%	5.05%	5.37%	5.14%	5.37%
- 3 tahun	6.90%	5.46%	5.58%	5.70%	N/A
- 5 tahun	7.12%	5.93%	N/A	N/A	N/A

Kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Instrumen deposit boleh niaga kadar terapung	100.49	100.37	99.92	100.35	100.16
Tunai dan setara tunai	0.13	0.10	1.05	0.39	0.01
Lain-lain	(0.62)	(0.47)	(0.97)	(0.74)	(0.17)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00


Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

HLA EVERGREEN 2025

Pada 30 Jun 2017

Perubahan harga, pengiraan diindekskan



Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

HLA EVERGREEN 2025

Prestasi dana					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM'000)	6,814	4,779	2,685	1,095	415
Bilangan unit ('000)	7,365	5,303	2,968	1,238	483
NAB seunit (RM)	0.925	0.901	0.905	0.884	0.859
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	0.927	0.904	0.907	0.887	0.885
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	0.891	0.893	0.877	0.853	0.852
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	2.66%	-0.44%	2.38%	2.91%	0.12%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	2.66%	-0.44%	2.38%	2.91%	0.12%
